

Bengkel Bahasa Melayu untuk Ibu Bapa 2024

Panduan membimbing anak-anak untuk komponen
e-Lisan



Guru-guru Darjah 5

Cikgu Abbas

Cikgu Suraya

Cikgu Rifkee

Guru-guru Darjah 6

Cikgu Zaleha

Cikgu Mairah

Cikgu Izzati

Kuiz Betul /Salah

	Betul	Salah
Ujian Lisan menguji Kemahiran membaca sahaja	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Pelajar akan menggunakan komputer riba bagi ujian E-lisan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Guru akan menanyakan sekurang-kurangnya tiga soalan berdasarkan video	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Objektif Bengkel

- ✓ Memahami komponen-komponen E-lisan.
- ✓ Mempelajari cara-cara untuk menyokong anak anda di rumah.

Kandungan Bengkel

- 1) Objektif bengkel
 - 2) Transisi Ujian Lisan (darjah 4 ke Darjah 5)
 - 3) Pecahan Markah Lisan (Bahasa Melayu Standard & Bahasa Melayu Asas)
 - 4) Bacaan Lantang
-
- 5) Perbualan Video
 - 6) Cabaran murid & Usaha pihak sekolah
 - 7) Sokongan ibu bapa
 - 8) Sesi soal jawab

Ujian lisan Darjah 3 & 4

- 1) Teks Bacaan
- 2) Deskripsi Gambar



- 3) Perbualan berdasarkan topik



Ujian lisan Darjah 5 & 6

- 1) Teks Bacaan
- 2) Tonton Video



- 3) Perbualan berdasarkan rangsangan video.



A stylized, layered landscape illustration. The foreground features rolling green hills in various shades of green, with a dark brown path or streambed winding through them. On the left, there is a green tree with rounded foliage, a purple flower, and an orange flower. A small red bird is flying in the sky above the tree. The background consists of light blue and white wavy bands, suggesting a sky or distant hills. The text 'e-Lisan' is centered in the upper half of the image.

e-Lisan

Pergerakan Ujian Lisan

Bilik Persiapan
(10 minit)

Bilik Ujian
(15 minit)

- 1) Bacaan Lantang
- 2) Tonton Video
- 3) Jawab tiga soalan Rangsangan

Guru

Guru

murid

The background features a stylized landscape with wavy, layered hills. The top portion consists of light blue and white waves, while the bottom portion consists of various shades of green waves, creating a sense of depth and movement.

Bahagian 1 Bacaan

Pecahan markah Lisan (Bahasa Melayu standard)


Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
3 (15 minit)	LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR <u>Lisan</u> <u>Bahagian A</u> Bacaan Lantang		1 (1)	20 (10%)	Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.
	 <u>Bahagian B</u> Perbualan berdasarkan rangsangan video		1 (1)	30 (15%)	Calon dikehendaki menonton klip video pendek (55-60 saat). Calon akan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan.

Pecahan markah Lisan (Bahasa Melayu Asas)

2 (lebih kurang 15 minit)	Lisan <u>Bahagian 1</u> Bacaan Lantang	Respons Bebas	1 (1)	30 markah	Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.
	<u>Bahagian 2</u> Perbualan	Respons Bebas	1 (1)	40 markah	Calon akan menonton klip video. Kemudian, calon akan melibatkan diri dalam perbualan dengan Pemeriksa Lisan.
	Subtotal	-	2 (2)	70 markah	-

Rubrik Bacaan Bahasa Melayu

Sebutan & Kejelasan	✓ Sebutan sentiasa baik dan jelas
Kelancaran & Gaya	✓ Bacaan lancar ✓ Jeda dan rentak sesuai dan tidak teragak-agak. ✓ Variasi nada sesuai



Contoh Audio

Contoh Bacaan Pertama



	Sebutan & Kejelasan	Kelancaran & Gaya
Contoh Bacaan Pertama	✓ Sebutan sentiasa baik dan jelas	✓ Bacaan lancar ✓ Jeda dan rentak sesuai dan tidak teragak-agak. ✓ Variasi nada sesuai

Contoh Bacaan Kedua



	Sebutan & Kejelasan	Kelancaran & Gaya
Contoh Bacaan Pertama	✓ Sebutan amat sukar difahami dan terdapat banyak kesilapan yang ketara	✓ Pada umumnya bacaan teragak-agak ✓ Jeda dan rentak tidak sesuai ✓ Terdapat sedikit variasi nada

The background features a stylized landscape with rolling hills. The top portion consists of several layers of light blue and white wavy bands, suggesting a sky or distant mountains. The bottom portion consists of rolling green hills in various shades of green, from light to dark, creating a sense of depth and texture.

Bahagian 2 Perbualan

Pecahan markah Lisan (Bahasa Melayu standard)

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
3 (15 minit)	LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR <u>Lisan</u> <u>Bahagian A</u> Bacaan Lantang		1 (1)	20 (10%)	Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.
	<u>Bahagian B</u> Perbualan berdasarkan rangsangan video		1 (1)	30 (15%)	Calon dikehendaki menonton klip video pendek (55-60 saat). Calon akan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan.

Pecahan markah Lisan (Bahasa Melayu Asas)

2 (lebih kurang 15 minit)	Lisan <u>Bahagian 1</u> Bacaan Lantang	Respons Bebas	1 (1)	30 markah	Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.
	<u>Bahagian 2</u> Perbualan	Respons Bebas	1 (1)	40 markah	Calon akan menonton klip video. Kemudian, calon akan melibatkan diri dalam perbualan dengan Pemeriksa Lisan.
	Subtotal	-	2 (2)	70 markah	-





Lihat Fikir Teroka

See Think Wonder

SOALAN 1:

Apakah kelakuan mereka di dalam video tadi yang kurang sesuai? Sila bincangkan.

Pembukaan Nyatakan jumlah	Lihat Terangkan apa yang dapat dilihat	Fikir Fikirkan kebaikan / keburukan / penyelesaian	Teroka 'explore' / possibility / apa yang boleh berlaku
-------------------------------------	--	--	--

Pembukaan Nyatakan jumlah	Lihat Terangkan apa yang dapat dilihat	Fikir Fikirkan kebaikan / keburukan / penyelesaian	Teroka 'explore' / possibility / apa yang boleh berlaku
<p>Terdapat 2 kelakuan di dalam video tadi.</p> <p>Saya akan kupaskan / bincangkan salah satu daripadanya.</p>	<p>Seorang budak lelaki makan kerepek kentang di kolong blok tanpa membuang sisa makanannya.</p>	<p>Perbuatannya salah dan tidak patut dicontohi. Ini kerana tempat itu akan menjadi kotor. Tempat yang kotor akan mengundang serangga dan penyakit. Dia amat tidak bertimbang rasa kerana tempat awam digunakan orang ramai.</p>	<p>Jika saya kawannya / ibunya / penghuni kawan itu / berada di situ, saya akan.....</p>

Sekian sahaja penerangan saya tentang soalan ini.

SOALAN 2:

Adakah anda dan jiran anda suka melakukan aktiviti di kolong blok atau di tempat berhampiran rumah anda? Sila bincangkan tentang aktiviti yang anda lakukan di situ.

Siapa: ahli keluarga / kawan

Apa: Bermain kejar-kejar / catur / basikal / bola sepak / majlis perkahwinan / hari lahir

Di mana: Gelanggang / dewan serbaguna / taman permainan / taman rekreasi

Pembukaan

Nyatakan jumlah

Lihat

Terangkan apa yang dapat dilihat

Fikir

Fikirkan kebaikan / keburukan / penyelesaian

Teroka

'explore' / possibility / apa yang boleh berlaku

Pembukaan Nyatakan jumlah / berikan contoh.	Lihat Terangkan	Fikir Berikan pendapat	Teroka 'explore' / possibility / apa yang boleh berlaku
<p>Ada beberapa aktiviti yang saya suka lakukan bersama _____</p> <p>Saya tidak pernah melakukannya bersama jiran saya kerana kami kurang rapat.</p>	<p>Jiran saya telah mengadakan majlis persandingannya di dewan serbaguna berdekatan dengan rumah saya. Majlis itu telah diadakan pada hari Ahad dari pagi hingga ke petang.</p>	<p>Saya berasa seronok dapat menghadiri dan membantu keluarga jiran saya. Ada persembahan tarian dan silat oleh keluarga jiran saya. Walaupun penat, saya tetap gembira kerana saya juga dapat membuat ramai kawan baharu.</p>	<p>Jika itulah majlis saya, saya akan membuatnya di sebuah hotel atau restoran kerana ...</p>

Sekian sahaja penerangan saya tentang soalan ini.

SOALAN 3:

Adakah anda berpuas hati dengan persekitaran berhampiran rumah anda? Sila bincangkan.

Persekitaran berhampiran rumah:

Gelanggang / dewan serbaguna / taman permainan / taman rekreasi / perhentian bas / MRT
Kedai / pusat membeli-belah

Pembukaan

Nyatakan jumlah

Lihat

Terangkan apa yang dapat dilihat

Fikir

Fikirkan kebaikan / keburukan / penyelesaian

Teroka

'explore' / possibility / apa yang boleh berlaku

Pembukaan Nyatakan jumlah / berikan contoh.	Lihat Terangkan	Fikir Berikan pendapat	Teroka 'explore' / possibility / apa yang boleh berlaku
<p>Ada beberapa perkara yang saya suka / tidak suka tentang persekitaran rumah saya.</p>	<p>Salah satu daripada perkara yang saya amat berpuas hati ialah perhentian bas berdekatan rumah saya. Saya tidak perlu risau jika saya perlu keluar rumah jika cuaca hujan lebat kerana sepanjang perjalanan saya dilindungi.</p> <p>Walau bagaimanapun, saya tidak suka kawasan berehat di kolong blok saya kerana ada ramai remaja yang akan melepak di situ dan membuang bising pada waktu malam terutama sekali pada hujung minggu. Kawasan itu akan menjadi kotor dengan sisa makanan selepas mereka pulang.</p>	<p>Jika saya bapa saya, saya akan menelefon polis agar mereka dapat dihalau dari tempat itu.</p>	

Usaha pihak sekolah

- Menghasilkan pakej lisan untuk murid-murid Darjah 5 & 6.
- Pakej termasuk soalan-soalan rangsangan yang menggalakkan murid-murid berfikir.
- Guru membimbing murid-murid untuk mengembangkan kosa kata murid-murid.
- Perbincangan antara murid-murid untuk mendapatkan pendapat yang berbeza.

Cabaran murid

- Menenangkan diri ketika ujian
- Mengaplikasikan apa yang telah dipelajari untuk menjawab soalan yang ditanyakan.
- Kosa kata terhad untuk menerangkan tentang video dan memberikan pendapat.

Sokongan ibu bapa

- Murid-murid memerlukan sokongan ibu bapa untuk meningkatkan kemahiran bertutur.
- Ibu bapa dapat menyokong dengan menggalakkan perbincangan berdasarkan video/iklan yang ditonton di rumah/luar.
- Persiapan mental dan fizikal sebelum ujian

Sokongan ibu bapa (contoh)

- Mengajak anak-anak menonton Berita Melayu (Terdapat sari kata, boleh digunakan sebagai bahan perbincangan.)
- Berikan ruang untuk anak untuk menyatakan pendapat dan membuat refleksi tentang tindakan watak dalam video yang ditonton dan juga tindakan yang mungkin anak-anak ambil.
- Banyakkan pembacaan di rumah (buku cerita, surat khabar dan sebagainya.)
- Dedahkan anak anda pada sekitaran yang mesra BM.



Sesi Soal Jawab



<https://go.gov.sg/wrps2024pew>

**SEKIAN
TERIMA KASIH**

